

LATIH TUBI PERNIAGAAN TINGKATAN 4

1. Aktiviti perniagaan dibahagikan kepada aktiviti berasaskan barang dan perkhidmatan. Antara yang berikut, yang manakah merupakan aktiviti berasaskan barang?
 - A Keselamatan
 - B Penbalakan
 - C Insurans
 - D Pengangkutan
2. Apakah yang dimaksudkan dengan Perniagaan?
 - A Aktiviti jual beli barang dan perkhidmatan antara penjual dan pembekal dengan bermotifkan keuntungan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
 - B Aktiviti jual beli barang antara penjual dan pembeli dengan bermotifkan keuntungan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
 - C Aktiviti jual beli perkhidmatan antara penjual dan pembeli dengan bermotifkan keuntungan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
 - D Aktiviti jual beli barang dan perkhidmatan antara penjual dan pembeli dengan bermotifkan keuntungan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
3. Berikut merupakan komponen asas perniagaan kecuali...
 - A Barang dan perkhidmatan
 - B Keuntungan perniagaan
 - C Pertukaran Nilai
 - D Penjual dan pembekal
4. Berikut merupakan tujuan utama sesuatu perniagaan itu wujud dalam masyarakat iaitu...
 - A Mewujudkan peluang pekerjaan
 - B Membantu masyarakat setempat
 - C Menambahkan pendapatan negara
 - D Penawaran barang dan perkhidmatan
5. Apakah tujuan penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?
 - A Membantu golongan yang kurang berkemampuan.
 - B Menyediakan produk berkualiti pada harga yang murah.
 - C Menyediakan ruang perniagaan untuk peniaga kecil
 - D Memaksimumkan kekayaan pemegang saham.
6. Pernyataan manakan yang berkaitan dengan organisasi bermotifkan untung (OBU)?
 - A Biasanya menjual barang pada harga kos.
 - B Memberi bantuan dan perkhidmatan untuk anak - anak yatim.
 - C Perkhidmatan yang diberikan secara percuma.
 - D Menghasilkan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Hasan, pengusaha kilang keropok.

Encik Hasan adalah seorang pengusaha kilang keropok di Kampung Lipan, Terengganu. Beliau menghasilkan pelbagai jenis keropok yang diedarkan melalui para pemborong. Beliau menggaji seramai 15 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada puratanya, hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM750,000.

Klasifikasikan saiz perniagaan Encik Hassan mengikut saiz dan sektor yang betul.

- A Saiz : Kecil , Sektor : Pembinaan
- B Saiz : Kecil , Sektor : Perkilangan
- C Saiz : Besar , Sektor : Perkhidmatan
- D Saiz : Sederhana , Sektor : Perkilangan

8. Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri organisasi bukan perniagaan?

- I Bertujuan memaksimumkan keuntungan
 - II Menyediakan perkhidmatan untuk ahlinya
 - III Sumber kewangan diperoleh daripada yuran ahli, derma atau peruntukan daripada kerajaan.
 - IV Perolehan dikenakan cukai pendapatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9. Antara berikut, yang manakah merupakan aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan?

- ~~A~~ I Perbankan
 - ~~B~~ II Pembuatan
 - III. Pembalakan
 - IV. Pengangkutan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan I

10. Antara yang berikut, kriteria yang manakah menentukan saiz perniagaan?

- I Jumlah keuntungan tahunan
 - II Jumlah jualan tahunan
 - III Bilangan pekerja tetap
 - IV Jumlah modal dilaburkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT

11. Pilih pernyataan yang betul tentang keperluan manusia.

- I Keperluan mudah dipuaskan.
 - II Keperluan manusia adalah terhad.
 - III Keperluan semua manusia adalah sama.
 - IV Keperluan membolehkan manusia hidup dengan selesa.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D II, III dan IV

12. Apakah kepentingan utama untung kepada perniagaan?

- A Meningkatkan taraf hidup masyarakat.
- B Dapat mengembangkan operasi perniagaan.
- C Dapat mengembangkan keuntungan pembekal.
- D Melaksanakan tanggungjawab sosial kepada peniaga.

13. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "berhad" (Bhd.) pada nama sesetengah perniagaan?

- A Bilangan ahli tidak melebihi 50 orang
- B Tidak dibenarkan membuka cawangan.
- C Modal dibenar sehingga RM5 juta sahaja.
- D Liabiliti terhad setakat modal yang dilaburkan.

14. Berikut merupakan kelebihan milikan tunggal kecuali...

- A Mudah ditubuhkan
- B Hanya memerlukan modal yang kecil.
- C Beban cukai rendah.
- D Liabiliti tidak terhad.

15. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kelebihan bentuk milikan perkongsian.

- A Modal terhad
- B Mudah ditubuhkan.
- C Perniagaan tidak berterusan.
- D Liabiliti tidak terhad.

16. Pilih bentuk milikan perniagaan yang tepat berdasarkan ciri - ciri yang diberi.

**Sumber pembiayaan melalui simpanan sendiri,
pinjaman saudara mara,
agensi kerajaan dan institusi kerajaan.**

- A Perkongsian.
- B Usaha Sama.
- C Milikan Tunggal.
- D Koperasi.

17. Mengapakan perniagaan milikan tunggal terpaksa ditamatkan?

- A Perniagaan berdaya saing
- B Pemilik mendapat untung berlipat ganda.
- C Pemilik meninggal dunia.
- D Perniagaan mendapat lesen pendaftaran.

18. Dimanakah perniagaan milikan tunggal perlu didaftarkan?

- A Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- B Suruhanjaya Pencegahan Jenayah.
- C MyIPO.
- D Kementerian Dagangan Perniagaan

19. Berikut merupakan jenis - jenis rakan kongsi kecuali....

- A Rakan Kongsi Berhad.
- B Rakan Kongsi tidak Berhad.
- C Rakan Kongsi Aktif.
- D Rakan Kongsi lelap.

20. Apakah yang dimaksudkan dengan Rakan Kongsi Aktif?

- A Menanggung liabiliti tidak terhad, tidak aktif dalam pengurusan dan dibayar gaji bulanan
- B Menanggung liabiliti tidak terhad, aktif dalam pengurusan dan dibayar gaji bulanan
- C Menanggung liabiliti terhad, tidak aktif dalam pengurusan dan dibayar gaji bulanan
- D Menanggung liabiliti terhad, aktif dalam pengurusan dan dibayar gaji bulanan.

21. Borang manakah yang perlu diisi oleh pemilik tunggal yang ingin membuat permohonan carian nama?

- A PNA 42
- B Borang A
- C Borang D
- D Borang 13A

22. Maklumat berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

- Kebebasan menjual beli saham
- Perlu mewartakan penyata kewangan dalam surat khabar.

Ciri - ciri di atas merujuk kepada..

- A Perkongsian
- B Syarikat awam berhad
- C Koperasi
- D Syarikat sendirian berhad

23. Apakah kelebihan bentuk perniagaan Kedai Runcit Hakim & Mimi berbanding Kedai Syahir Enterprise?

- A Menanggung liabiliti tidak terhad
- B Risiko perniagaan yang disebarkan
- C Perniagaan bermotifkan untung
- D Dikenakan cukai pendapatan individu.